

Mengimbau Rumah Lindungan Raja Menerusi Kaedah Sejarah Lisan

Mohamad Syahid Bin Mohd Shahron Nidzan
Siti Nur Alia Binti Othman
Kamarul Azwan Bin Azman
Mohd Nizam Bin Yunus

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Rumah tradisional Melayu merupakan antara warisan seni bina Malaysia yang sangat unik dan bernilai. Namun, masih terdapat peninggalan sejarah yang belum diperkenalkan kepada orang ramai secara umum iaitu rumah tradisional di negeri Jelapang Padi, Kedah. Sebuah rumah tradisional Melayu lama yang terletak di Sedim mempunyai sejarahnya yang tersendiri iaitu Rumah Lindungan Raja. Kajian ini adalah berkaitan dengan sejarah yang berlaku di rumah tradisional tersebut. Rumah yang dibina pada tahun 1930-an ini telah menjadi tempat perlindungan Sultan Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah daripada kesian musuh. Ia juga dikenali sebagai 'Peristiwa Sedim'. Dalam kajian ini, kaedah temubual bersama penjaga Rumah Lindungan Raja yang juga merupakan generasi ke-4 dari pemilik asal rumah tersebut dilakukan untuk merungkai peristiwa yang pernah berlaku di sana.

Kata kunci: *Rumah Lindungan Raja, peristiwa sedim, Sultan Abdul Hamid, Tunku Abdul Rahman, Kampung Lindungan Raja, Sedim Kedah*

ABSTRACT

The traditional Malay architectural heritage is one of Malaysia's very unique and valuable. However, there are still historical relics that have not been introduced to the public in general, namely traditional houses in the state of 'Jelapang Padi', Kedah. An old Malay traditional house located in Sedim, Kedah and has its own history of Greenhouse King. This study is related to the history that took place in this traditional house. This house built in the 1930s has become a refuge for the Sultan of Kedah Sultan Abdul Hamid Halim Shah from being detected by the enemy which is also known as the 'Sedim Incident'. In this study, the method of interview with the caretaker of the King's Shelter House which is also the 4th generation of the original owner of the house was done to unravel the events that once happened in the King's Shelter House.

Keywords: *Rumah Lindungan Raja, Sedim Events, Sultan Abdul Hamid, Tunku Abdul Rahman, Kampung Lindungan Raja, Sedim Kedah*

PENGENALAN

Rumah Lindungan Raja adalah rumah tradisional yang terdapat di Kampung Sedim, Kulim, Kedah. Ia terletak kira-kira 33 kilometer dari Bandar Kulim, dalam Daerah Kulim. Kampung Sedim dipagari oleh kawasan Hutan Simpan Gunung Inas dan Gunung Bintang di sebelah timur, manakala di selatannya mengalir Sungai Sedim yang memisahkan antara Daerah Kulim dengan Daerah Baling. Kampung Sedim diasaskan oleh Haji Mohd Yasin bin Abdul Mutalib yang bertugas sebagai Penghulu Mukim Sedim sejak Perang Dunia Pertama lagi. Rumah Lindungan Raja ini telah wujud dalam tahun 1353 Hijrah atau bersamaan 1934 Masihi. (Perpustakaan Awam Kulim, 2020).

Di Kedah, jumlah rumah tradisional kini semakin berkurangan kerana banyak telah dirobohkan dan digantikan dengan rumah yang lebih moden. Pembinaan rumah tradisional menggambarkan ketinggian mutu kesenian orang-orang Melayu dahulu. Seni bina rumah tradisional dipengaruhi oleh keadaan sekeliling dan juga kebudayaan. Sebagai contoh, ia dapat dilihat pada ukiran-ukiran yang terdapat pada rumah-rumah tradisional. Rumah orang-orang Melayu Kedah dahulu biasanya mempunyai serambi, rumah tengah, rumah ibu dan dapur. Manakala di bahagian bumbung, kebiasaannya terdapat bumbung perak dan bumbung panjang. Rumah Lindungan Raja merupakan rumah yang mempunyai seni bina yang unik. Rumah bumbung perak beratap zink ini diperbuat daripada kayu jenis keras yang bermutu tinggi. Dindingnya berukiran seni berbentuk pucuk buluh. Rumah tradisional ini merupakan tinggalan warisan yang dapat disimpulkan bahawa orang-orang Melayu dahulu begitu mementingkan kecantikan dan keunikan pada seni bina rumah mereka.

Sehingga kini, Rumah Lindungan Raja berdiri dengan kukuh di Kampung Lindungan Raja, Sedim. Kesenian pertukangannya yang istimewa secara turun-temurun dari generasi ke generasi dan telah mengalami proses transformasi selama bertahun-tahun mengikut arus

permodenan hari ini. Oleh itu, langkah yang paling utama dalam memelihara rumah tradisional ini dengan memastikan pihak berkuasa menjalankan peranan mereka bersama-sama dengan masyarakat setempat. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak-pihak tertentu bagi memelihara dan memartabatkan Rumah Lindungan Raja sebagai seni bina warisan negara. Inisiatif ini merujuk kepada peruntukan dalam akta iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang lebih komprehensif dalam menyediakan satu mekanisma dari segi khidmat pengurusan, penguatkuasaan, pembiayaan dan pengiktirafan. Seni bina rumah melayu lama merupakan warisan dan sejarah negara yang perlu diketahui oleh generasi akan datang supaya mereka mengenal dan menghargai keunikan dan kekayaan ilmu masyarakat dahulu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini merupakan salah satu kajian yang berkaitan dengan latar belakang sejarah dan warisan raja yang wujud pada zaman dahulu sehingga kini. Pada masa ini, Arkib Negara Malaysia sedang giat mencari dan menyelidik mengenai sejarah warisan Malaysia. Dalam satu "posting" di laman utama Facebook Arkib Negara Malaysia pada 29 Oktober 2020, pihak Arkib Negara Malaysia meminta kerjasama rakyat Malaysia untuk membantu mereka merungkai dan mendokumentasikan permata tersembunyi dalam sejarah negara. Hal ini terjadi kerana, pihak Arkib mendapati masih terdapat sejarah warisan negara yang belum diterokai. Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim menyifatkan sejarah bukan sekadar suatu pendapat umum, sebaliknya perlu berasaskan pelbagai kajian dan penyelidikan (Norhafzan, 2018). Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan, yang dibuat dalam tahun 2007, satu daripada kelemahan yang besar di dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia ialah kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal.

Antara permasalahan lain yang dikenalpasti ialah kesedaran masyarakat pada masa kini terutama golongan-golongan muda yang kurang berpengetahuan mengenai sejarah warisan tempatan. Kesedaran generasi kini terhadap kepentingan sejarah boleh disifatkan sekadar bermusim kerana kebiasaannya ramai akan mula mengambil kisah mengenainya apabila menjelang tarikh penting tertentu seperti

Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (Norhafzan, 2018). Implikasinya, golongan muda yang diharapkan menjadi pewaris masa depan negara mempunyai pengetahuan yang amat cetek mengenai negara sendiri, lantaran kurang minat terhadap menghayati sejarah tanah air (Norhafzan, 2018). Dalam kajian ini, ramai lagi masyarakat luar malahan penduduk tempatan itu sendiri kurang pengetahuan tentang kewujudan Rumah Lindungan Raja dan peristiwa yang berlaku berkaitan dengan rumah tersebut. Kekurangan sumber lisan dan informasi yang terhad mengenai Rumah Lindungan Raja mendorong penyelidik untuk membuat kajian terperinci tentang Rumah Lindungan Raja melalui kaedah penyelidikan sejarah lisan.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian adalah:

- a. Untuk mengkaji tentang asal usul kewujudan Rumah Lindungan Raja di Sedim, Kedah.
- b. Untuk mengetahui seni bina Rumah Lindungan Raja.
- c. Untuk mengenalpasti usaha-usaha memartabatkan Rumah Lindungan Raja.

PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan berkenaan kajian yang dijalankan. Antaranya;

- a. Bagaimanakah asal usul kewujudan Rumah Lindungan Raja?
- b. Apakah konsep seni bina Rumah Lindungan Raja?
- c. Apakah usaha-usaha yang dijalankan bagi memartabatkan Rumah Lindungan Raja?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Untuk memastikan sejarah warisan di Malaysia tidak hilang ditolak oleh arus permodenan masa kini. Hal ini demikian kerana

perkembangan pesat teknologi masa kini telah menyebabkan masyarakat lupa akan sejarah warisan di negara ini.

Untuk mengekalkan sejarah lisan sebagai sumber utama untuk dirujuk kerana diperolehi oleh sumber primer. Sejarah lisan amat penting kerana ianya diperolehi oleh sumber primer yang tidak ditokok tambah oleh mana-mana pihak.

Untuk menambah koleksi sejarah warisan negara untuk kegunaan masa hadapan terutamanya untuk golongan muda. Terdapat pelbagai koleksi sejarah warisan yang wujud di Malaysia tetapi Jabatan Arkib Negara mendapati masih terdapat sejarah warisan tempatan yang belum diterokai. Dengan adanya kajian ini, koleksi sejarah warisan negara akan bertambah bagi memudahkan penyelidik lain pada masa hadapan.

Untuk membolehkan masyarakat dapat mengetahui sejarah warisan tempatan. Dengan adanya kajian ini, masyarakat dapat mengetahui sejarah warisan tempatan di Sedim, Kedah.

TINJAUAN LITERATUR

Rumah Tradisional

Rumah tradisional melayu lama yang juga merupakan antara seni bina warisan Malaysia yang sangat unik dan bernilai. Ciri-ciri rumah tradisional melayu ini menjadi identiti dan lambang bagi cara kehidupan masyarakat Melayu. Meniti arus permodenan kini, jejak rumah-rumah tradisional ini masih lagi dapat dilihat dan dikesan di seluruh nusantara samada secara fizikal ataupun yang telah menjadi sebahagian artifak sejarah yang didokumentasikan oleh pelbagai organisasi kerajaan atau swasta dan badan-badan warisan. Antara Rumah Tradisional yang masih boleh dilihat di Kedah antaranya Rumah Toksu, Rumah Seri Banai yang terletak di Alor Setar (Husna, 2020). Di Daerah Kulim, Kedah terdapat sebuah rumah tradisional iaitu Rumah Lindungan Raja yang terletak di kawasan pendalaman Sedim. Rumah tradisional yang menjadi nilai tambah kepada tempat itu sendiri.

Rumah Tradisional Melayu dikatakan antara senibina terawal yang didirikan di Gugusan Kepulauan Nusantara dimana ia telah

melalui proses transformasi yang sejak ribuan tahun yang lalu (Firrhhaus, 2016). Di dalam pembinaan rumah-rumah tradisional, seni ukiran kayu bukanlah sekadar unsur hiasan semata-mata malahan mempunyai fungsi yang lain yang disepadukan pada rumah-rumah tersebut (Ser Pei Fang, 2011). Rumah Tradisional Melayu juga mempunyai pelbagai unsur yang diambil kira sebelum proses pembinaannya. Justeru itu, ia mendapat perhatian dunia kerana mempunyai ciri-ciri yang unik serta berteraskan agama dan kebudayaan masyarakat ketika itu (IPendidikan, 2020).

Asal-Usul Rumah Lindungan Raja

Rumah Lindungan Raja merupakan rumah kepada Penghulu Mukim Sedim iaitu Allahyarham Haji Mohd Yasin (Tuk Ayah) yang pada ketika itu diduduki oleh Tuk Ayah yang kedua, Encik Abdul Hamid bin Saad dan isterinya Puan Hajah Aishah binti Ahmad (Pejabat Daerah Kulim). Rumah yang berkonsepkan tradisional ini menjadi tempat bersemayam Sultan Kedah, Almarhum Tuanku Abdul Hamid untuk berlindung ketika tercetusnya Perang Dunia Kedua (Destinasi Santai, 2013). Tunku telah berbincang terlebih dahulu bersama Penghulu Abdul Manaf, untuk mencari sebuah rumah yang sesuai untuk dijadikan tempat bersemayam Paduka Ayahandanya (Pejabat Daerah Kulim). Akhirnya, keputusan telah dicapai untuk memilih rumah Penghulu Mukim Sedim kerana dianggap rumah paling indah dan sesuai untuk keluarga Tunku (Pejabat Daerah Kulim). Disebalik nama rumah tradisional itu terdapat peristiwa yang menjadi sejarah terpenting yang dinamakan peristiwa Sedim (Pejabat Daerah Kulim). Peristiwa ini mengisahkan 'penculikan' Tunku Sultan Abdul Hamid Halim Syah, oleh anaknda sendiri iaitu Tunku Abdul Rahman. Pada ketika itu ayahandanya yang berumur 80 tahun, hendak dipindahkan oleh Pegawai British ke India tetapi Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju. Beliau berpendapat, tidak wajar bagi seseorang Sultan melarikan diri daripada tanah airnya ketika peperangan (Sungai Sedim, 2009). Ketibaan keluarga Tunku di Kampung Sedim dibantu oleh penduduk kampung dan telah berpakat untuk membuat usungan daripada dua batang buluh (Roslan, 2020). Seramai 5 hingga 60 orang ditugaskan berkawal siang dan malam bagi menjaga keselamatan baginda Sultan (Aiman, 2020). Bagi menghargai pengorbanan penduduk Kampung

Sedim melindungi Tuanku Sultan dan Kerabat DiRaja yang lain, rumah ini diberi nama 'Rumah Lindungan Raja' dan Kampung Sedim telah diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman sebagai 'Kampung Lindungan Raja' pada 12 Januari 1962 (Zubir, 2016)

Seni Bina Rumah Lindungan Raja

Rumah Lindungan Raja ini antara rumah tradisional yang berbumbungkan perak beratap zink yang diperbuat daripada kayu jenis keras dan bermutu tinggi serta dinding yang berukiran seni berbentuk pucuk buluh (Pejabat Daerah Kulim). Zaman dahulu, rumah tradisional yang direkabentuk dan dibina kebanyakan bagi menampakkan kemahiran dan kreativiti mereka dalam bidang seni bina. Ia mencerminkan kebijaksanaan orang-orang lama dahulu dalam membina rumah mengikut keperluan semasa, faktor cuaca dan bahan binaan yang digunakan. Namun sifat fizikal rumah tradisional yang dibina menggunakan bahan binaan ringan dari sumber setempat seperti kayu-kayan, buluh, rotan, mengkuang, daun nipah dan sebagainya mustahil bagi rumah-rumah tradisional ini dapat bertahan sehingga ribuan tahun lamanya (Firrhaus, 2016). Begitu juga dengan Rumah Lindungan Raja, rumah tradisional juga telah melalui proses pembaikan dan pengindahan (Destinasi Santai, 2013).

Usaha-usaha untuk memartabatkan Rumah Lindungan Raja

Usaha-usaha bagi memartabatkan rumah tradisional amatlah penting bagi memelihara kelangsungan warisan itu sendiri. Rumah Lindungan Raja diserahkan kepada penduduk setempat atas sebab-sebab tertentu dan diberikan peruntukan oleh Yayasan Sultanah Bahiyah (Destinasi Santai, 2013). Penduduk Kampung Lindungan Raja juga telah bekerjasama dengan SWCorp Cawangan Kulim bagi mengadakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) secara bergotong-royong membersihkan kawasan Rumah Lindungan Raja dan sekitarnya bersempena Upacara Pengambilan Air Mata Air sempena Istiadat Siram Tabal, Pertabalan Sultan Kedah ke-29 pada ketika itu (E-Idaman, 2018).

METODOLOGI

Bagi kajian ini, teknik kajian yang digunakan ialah secara kualitatif bagi memperolehi sumber primer. Pendekatan kualitatif merujuk kepada penyelidikan yang berunsur subjektif iaitu data atau maklumat yang diambil berdasarkan temubual dan pemerhatian bagi sesuatu kejadian yang dikaji dan dijalankan (MPPKP Kemaman Wordpress, n.d.).

Dalam melaksanakan penyelidikan sejarah lisan, kaedah yang digunakan ialah berasaskan sumber primer. Data primer merujuk kepada pengumpulan data yang diperolehi dari kawasan lapangan dan menganalisis data mentah (*raw data*) untuk memperolehi hasil sesuatu kajian yang telah dijalankan (Ang Kean Hua, 2016). Antara contoh data atau sumber primer ialah diari, keterangan lisan melalui temu bual, manuskrip yang belum dicetak, artifak, batu bersurat dan dokumen seperti undang-undang negara.

Dalam kajian ini, beberapa kaedah digunakan iaitu kaedah temubual, pemerhatian dan analisa dokumen. Temubual merupakan suatu proses pertemuan dengan seseorang untuk bersoal jawab bagi mendapat sesuatu maklumat (Kamus DBP Online, n.d). Dalam kajian ini, kaedah temubual yang digunakan adalah temubual berstruktur. Temubual yang dilaksanakan secara formal, terperinci dan soalan disediakan lebih awal sebelum sesi temubual ini dijalankan. Soalan-soalan yang dikemukakan perlu selaras dengan objektif kajian.

Kaedah ini dijalankan oleh penyelidik ialah untuk mendapatkan maklumat yang lengkap daripada tokoh. Soalan yang diajukan oleh penyelidik adalah berkaitan asal usul Rumah Lindungan Raja. Tokoh akan memberikan maklumat tersebut kepada penyelidik sewaktu sesi temu bual ini sedang berlangsung. Kaedah temu bual secara bersemuka dijalankan dan mengambil masa selama dua (2) jam. Hasil daripada temu bual tersebut dirakamkan, ditulis dan ditranskripikan untuk dijadikan bahan penyelidikan yang bermanfaat kepada pengguna pada masa akan datang.

Kaedah pemerhatian juga digunakan dalam kajian ini. Pemerhatian merupakan proses meneliti situasi atau kejadian secara

kritikal. Ia perlu dijalankan secara sistematik dan boleh dilaksanakan dengan mencatat nota tentang apa yang berlaku. Berdasarkan sejumlah aspek, teknik pemerhatian terbahagi kepada beberapa bahagian sebagaimana berikut (Patton, 1990):

1. Berdasarkan tahap peranan serta pengkaji, iaitu peranan serta penuh, peranan serta terbatas, dan tanpa berperanan serta (pengkaji bertindak sebagai penonton sahaja).
2. Berdasarkan tingkat keterbukaan peranan pengkaji, iaitu keterbukaan penuh (semua subjek pengkajian mengenal pengkaji dan mengetahui kegiatan pemerhatiannya), keterbukaan terbatas (hanya sebahagian subjek pengkajian mengenal pengkaji dan mengetahui kegiatan pemerhatiannya), dan tertutup penuh (subjek pengkajian tidak mengenal pengkaji dan tidak tahu-menahu tentang kegiatan pemerhatiannya).
3. Berdasarkan tingkat keterbukaan tujuan pengkajian, iaitu terbuka penuh (dijelaskan seluruhnya kepada subjek pengkajian), keterbukaan terbatas (dijelaskan sebahagian kepada sebahagian subjek pengkajian), tertutup penuh (tanpa penjelasan kepada subjek pengkajian), dan pemalsuan (memberikan penjelasan palsu atau bohong kepada subjek pengkaji)
4. Berdasarkan tingkat kedalaman dan keluasan atau jangka waktu pemerhatian, iaitu jangka pendek (pemerhatian tunggal dalam waktu singkat, misalnya dua jam) dan jangka panjang (pemerhatian berganda dalam waktu lama, misalnya bulanan atau tahunan).
5. Berdasarkan himpunan pemerhatian, iaitu himpunan sempit (terhimpun pada suatu unsur saja), dan himpunan luas (tinjauan holistik yang mencakup semua unsur).

Selain temu-bual secara bersemuka, penyelidik melakukan pemerhatian secara langsung di kawasan rumah tradisional tersebut sebagai salah satu alternatif untuk mendapatkan maklumat tambahan. Selepas melakukan temubual secara bersemuka bersama tokoh,

penyelidik dibawa oleh tokoh untuk melihat seni bina Rumah Lindungan Raja di bahagian dalam dan luar. Bagi kaedah ini, penyelidik dapat memerhati dan memperoleh maklumat secara langsung dari tokoh. Hal ini, dapat memberi peluang kepada penyelidik supaya dapat membuat kajian ini dengan lebih terperinci dan tepat.

Kaedah terakhir adalah analisa dokumen. Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009: 97; Babbie, 2010: 332).

Dalam pada masa yang sama, kaedah ketiga yang digunakan oleh penyelidik ialah analisa dokumen iaitu merujuk kepada sumber sekunder turut digunakan dalam menjalankan penyelidikan sejarah lisan. Data sekunder atau sumber sekunder merupakan pengumpulan data yang diperoleh oleh pengkaji dari institusi atau badan-badan kerajaan, sektor swasta atau melalui cara yang berlainan berdasarkan penyelidikan yang lepas (Ang, K. H., 2016). Data atau sumber ini merupakan hasil kajian lepas yang berasaskan daripada sumber primer. Antara contoh data atau sumber sekunder ialah majalah, jurnal, ensiklopedia, risalah, rencana, surat khabar, artikel dan sebagainya. Penyelidik telah menggunakan sumber ini sebagai penambahan maklumat dan bukti berkaitan dengan penyelidikan terutamanya dibahagian kajian literatur.

Latar Belakang Tokoh



Gambar 1: Yazid bin Yahaya

Bagi mendapatkan maklumat mengenai Rumah Lindungan Raja, Encik Yazid bin Yahaya, tokoh bagi kajian ini dan juga merupakan penjaga rumah tersebut telah dipilih untuk ditemubual. Beliau merupakan generasi ke-4 dari pemilik asal rumah tersebut iaitu Haji Yassin atau lebih dikenali sebagai Tok Ayah. Beliau berusia 47 tahun dan dilahirkan pada 13 Julai 1973 di Kampung Sedim. Beliau telah menetap di sini sejak lahirkan sehingga kini. Beliau lebih dikenali sebagai 'Abang Jid' di kalangan penduduk kampung. Ibu beliau bernama Puan Nariah binti Abdullah manakala bapanya Encik Yahaya bin Mad Isa. Beliau merupakan anak ke-3 dari 9 orang adik beradik pada asalnya tetapi dua (2) daripada adik beradik beliau telah meninggal dunia. Beliau telah berkeluarga dan mempunyai 4 orang cahaya mata. Beliau mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sedim yang kini telah ditukarkan namanya ke Sekolah Kebangsaan Lindungan Raja manakala pendidikan akhir beliau pula adalah sehingga peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) di Sekolah Menengah Labu Besar. En Yazid memulakan kerjaya beliau sebagai pekerja kilang di Kulim. Seterusnya beliau berkhidmat di Majlis Perbandaran Kulim sebagai Pekerja Rendah Awam (PRA). Kini beliau menjawat jawatan sebagai Penyelia di sebuah syarikat iaitu Environment Idaman Sdn. Bhd., Cawangan Kulim.

Encik Yazid mengambil alih Rumah Lindungan Raja dan dibantu oleh Ahli Jawatan Kuasa (AJK) bermula dari tahun 2008 dengan bantuan Penghulu kampung, En Zulkifli, pada masa itu. Apabila beliau mula memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) pada tahun 2013-2018 dan atas inisiatifnya, beliau telah bertanggungjawab untuk menghidupkan kembali Rumah

Lindungan Raja supaya dapat dijadikan rujukan untuk orang awam. Beliau terdorong untuk menjadi salah seorang AJK rumah tersebut kerana beliau menganggap itu merupakan tanggungjawab beliau sebagai anak jati kampung dan beliau juga merupakan generasi ke-4 dari pemilik sebenar Rumah Lindungan Raja. Beliau menyatakan bahawa beliau tidak mahu sejarah rumah yang berharga terdapat di kampungnya tidak mendapat penjagaan betul dan terabai seterusnya lenyap begitu sahaja. Rumah Lindungan Raja yang menjadi mercu tanda dan menjadi sebab kampung tersebut diistihar sebagai Kampung Lindungan Raja. Atas rasa tanggungjawab, beliau bersama dengan AJK Rumah Lindungan Raja berusaha sebaik mungkin untuk menjaga salah satu sejarah kampung tersebut. Menurut En Yazid, pengalaman manis yang dilaluinya sepanjang menjadi penjaga Rumah Lindungan Raja ialah sewaktu Tunku Intan Safinaz bersama dengan beberapa tetamu VIP yang lain berkunjung untuk melawat rumah tersebut serta kunjungan daripada pihak muzium. Beliau bersyukur sehingga kini kejadian yang tidak dingini tidak pernah berlaku di rumah tersebut.



Gambar 2: Gambar Tunku Intan Safinaz sebagai tanda ikatan ketika program khidmat nasihat

HASIL KAJIAN

Asal-usul Rumah Lindungan Raja

Pemilik asal Rumah Lindungan Raja merupakan Penghulu Haji Yasin bin Abdul Mutalib. Beliau telah membina dan menduduki rumah tersebut. Penghulu Haji Yasin juga merupakan antara orang terawal

yang membuka perkampungan tersebut bersama dengan sahabat-sahabat beliau seperti Tok Pawang di sekitar tahun 1930an.



Gambar 3: Rumah Lindungan Raja yang menjadi tempat bersemayam keluarga diraja pada 1942

Menurut Yahaya, (2021) terdapat dusun yang dinamakan Dusun Tok Pawang yang masih wujud sehingga kini. Rumah Lindungan Raja menyimpan sejarahnya tersendiri yang berkaitan dengan ‘penculikan’ Sultan Abdul Hamid oleh anakndanya Tunku Abdul Rahman. Peristiwa ini dinamakan ‘Peristiwa Sedim’. Rumah ini dijadikan tempat berlindung Sultan Abdul Hamid daripada Jepun yang menyerang Tanah Melayu pada ketika itu. Rumah yang terletak di Sedim ini dikelilingi oleh banjaran Gunung Inas dipercayai dapat menjadi tempat berlindung daripada dikesan oleh pihak musuh.



Gambar 4: Papan tanda mengenai Rumah Lindungan Raja

Atas cadangan penghulu kampung pada ketika itu Penghulu Manaf, Tunku Abdul Rahman memilih rumah Penghulu Haji Yasin kerana rumah Penghulu Haji Yasin dianggap paling sesuai. Tambahan

pula Haji Yasin atau lebih dikenali sebagai Tok Ayah merupakan bomoh yang pernah merawat ayahndanya. Pada ketika itu, Abdul Hamid bin Saad merupakan anak kepada Haji Yasin tinggal di rumah tersebut kerana Haji Yasin telah meninggal dunia. Abdul Hamid juga dikenali sebagai Tok Ayah kedua, beliau merupakan individu yang memberi keizinan untuk keluarga diraja menginap di rumahnya. Namun, menurut Yahaya (2021) bukan sahaja rumah Haji Yasin yang dijadikan tempat berlindung rombongan diraja, terdapat dua lagi rumah yang menjadi rumah lindungan untuk rombongan tersebut. Rumah kedua merupakan kepunyaan Abdullah bin Samad iaitu 'Tokwan' kepada Yazid bin Yahya sendiri dan rumah ketiga ialah milik Zakaria Bin Che Had.



Gambar 5: Gambar asal rumah kepunyaan Abdullah bin Samad



Gambar 6: Gambar asal rumah kepunyaan Zakaria Bin Che Had

Orang terakhir yang mendiami rumah tersebut ialah Mahmud bin Syafie' yang merupakan cucu kepada Haji Yasin pada tahun 2008.

Mahmud Syafie' diberikan sebuah rumah sebagai pertukaran kepada Rumah Lindungan Raja. Hal ini dilakukan oleh penghulu yang bertanggungjawab pada ketika itu dengan bantuan pihak Negeri kerana untuk memudahkan orang awam untuk melawat ke rumah tersebut di samping dapat memelihara sejarah kampung tersebut. Rumah Lindungan Raja telah dibuka kepada umum sebelum Mahmud Syafie' berpindah. Dalam tahun 2008, rumah tersebut dibuka secara rasminya untuk orang ramai serta melakukan apa jua program yang berkaitan dengan rumah tersebut.

Peristiwa Sedim

Menurut Yazid bin Yahaya, peristiwa ini berlaku sekitar tahun Disember 1941 dimana pada ketika itu Jepun telah menyerang Tanah Melayu dan kemaraan mereka terlalu cepat menghala ke Kedah. Pihak British terpaksa berundur ke Pulau Pinang kerana Pengkalan mereka iaitu Pengkalan Kubu, lebih kuat di sana berbanding di Kedah. Pihak British lebih yakin untuk berlindung di sana dan memutuskan untuk membawa Sultan Abdul Hamid bersama. Pada ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj merupakan Pegawai Daerah Kulim. Berita mengenai rancangan British untuk membawa keluar ayahanda ke Pulau Pinang telah sampai ke pengetahuan beliau melalui abang iparnya, Syed Omar. Tunku tidak bersetuju dengan dan merancang untuk membawa lari ayahandanya kerana bagi beliau tidak wajar seseorang Sultan meninggalkan rakyatnya ketika perang.



Gambar 7: Gambar Sultan Abdul Hamid Halim Shah bersama putera-putera baginda yang terlibat dengan peristiwa sedim.

Pada hari kejadian Tunku dan beberapa orangnya telah bergerak ke Kampung Bumbung Lima, Kepala Batas menahan rombongan raja untuk 'menculik' ayahndanya. Menurut Yahaya (2021) Tunku Abdul Rahman melepaskan satu persatu kereta pada jarak dua (2) minit antara kereta. Strategi ini digunakan oleh Tunku kerana jalan yang dilalui oleh pihak British ke Pulau Pinang adalah berdebu. Pada masa yang sama, Tunku mengambil peluang ini melencongkan kereta yang membawa Sultan Abdul Hamid ke Kulim. Tunku melarikan ayahndanya bersama adindanya Tunku Abdul Malik ke Kulim. Mereka singgah di rumah pejabat daerah Kulim untuk berehat seketika sebelum menyambung perjalanan mereka ke Sedim.



Gambar 8: Kedudukan Mukim Sedim tahun 1941

Rombongan tersebut melalui Jalan Estet (Pak Hau) sehingga ke Bukit Tok Basah sebelum ditandu oleh penduduk kampung sehingga ke Sedim. Tunku Abdul Rahman telah berhubung dengan Penghulu Manaf sebelum rombongan tersebut disambut oleh penduduk kampung dan dibawa ke Sedim. Tandu yang merupakan alat untuk mengusung Sultan digunakan daripada Bukit Tok Basah ke Sedim dan ia perlu melalui jalan hutan sejauh empat ratus (400) meter yang penuh dengan duri senayan. Kasihnya penduduk kampung terhadap Sultan pada ketika itu, mereka membina sebuah tandu untuk memudahkan perjalanan Sultan Abdul Hamid ke Sedim. Rombongan diraja tersebut dikatakan tiba di perkampungan Sedim pada petang hari.



Gambar 9: Papan tanda mengenai rombongan diraja yang menginap selama seminggu

Keluarga Diraja berindung di Sedim selama satu minggu sebelum bertolak pulang ke Alor Setar setelah mencapai persetujuan bersama pihak Jepun supaya Raja tidak diganggu. Selama seminggu, rombongan diraja berindung di kampung tersebut, penduduk kampung bergilir-gilir berkawal di sekeliling rumah. Penduduk kampung secara sukarela berkawal secara ketat siang dan malam demi menjaga keselamatan keluarga diraja. Penghulu Manaf selaku ketua kampung telah mengetuai kawalan tersebut dan dibantu oleh Haji Salleh, Penghulu Che Li, Che Pin bin Kunder, Dahamat Cik Dahamat dan beberapa lagi penduduk kampung.



Gambar 10: Gambar penghulu bersama penduduk kampung

Persengketaan Tunku Abdul Rahman dan Sultan Badlishah

Persengketaan antara dua beradik ini berlaku apabila masing-masing ingin melindungi ayahnda mereka. Di pihak Sultan Badlishah, beliau menganggap Pulau Pinang tempat yang selamat untuk berlindung. Manakala di pihak Tunku Abdul Rahman pula, Sedim dianggap tempat yang lebih selamat terutama dari tentera Jepun. Ini adalah kerana bagi beliau, Pulau Pinang akan menjadi tempat utama yang akan diserang oleh tentera Jepun. Setelah Sultan Badlishah mengetahui Tunku Abdul Rahman membawa lari Sultan Abdul Hamid ke Sedim beliau pula menyusul ke Sedim. Namun, apabila beliau sampai di perkampungan Sedim, barulah beliau yakin bahawa Sedim merupakan tempat yang selamat dan aman untuk berlindung daripada tentera Jepun.

Kampung Lindungan Raja

Yazid, (2021), menceritakan, setelah rombongan diraja pulang ke Alor Setar, Tunku Abdul Rahman kembali ke kampung tersebut dan mengistiharkan kampung tersebut sebagai Kampung Lindungan Raja. Kampung Sedim yang dahulunya digelar Kampung Tengah oleh kerana kedudukannya di tengah Mukim Sedim. Kampung ini diistiharkan sebagai Kampung Lindungan Raja pada 12 Januari 1962. Ketika Tunku Abdul Rahman mengistiharkan kampung tersebut, beliau telah menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Disebabkan keberanian dan pengorbanan penduduk kampung menjaga dan melindungi keluarga beliau, Tunku kembali ke kampung tersebut untuk mengistiharkan kampung tersebut sebagai tanda penghargaan.



Gambar 11: Papan tanda Kampung Lindungan Raja Sedim

Pintu Gerbang

Dalam usaha menaiktaraf dan memartabatkan rumah warisan, terdapat penambahbaikan yang dilakukan seperti pembinaan pintu gerbang. Pada tahun 2006, pintu gerbang telah dibina dihadapan jalan masuk ke kampung. Pintu gerbang ini melibatkan gabungan daripada 8 batang tiang elektrik dimana empat disebelah kanan dan empat disebelah kiri. Struktur pintu ini menjadi lebih menarik kerana ia digabungkan dengan alang dan dimasukkan bumbung diatasnya. Pintu gerbang ini juga telah dicat dan diwarnakan dari atas hingga ke bawah sebagai menunjukkan simbolik perkampungan raja Melayu. Pembinaan pintu gerbang ini adalah usaha yang dilakukan oleh penduduk kampung yang diketuai oleh penghulu kampung yang lama iaitu Penghulu Zulkifli. Tiada peruntukan oleh pihak Kerajaan ataupun mana mana agensi luar melainkan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang membantu dalam sumbangan kayu dan juga penanaman tiang untuk pembinaan tiang tersebut. Pembinaan ini mengambil masa lebih kurang enam hingga tujuh (6 – 7) bulan sehingga ia siap sepenuhnya. Pembinaan itu secara keseluruhannya telah disiapkan hasil usaha anak muda kampung tersebut. Pada tahun 2019, pintu gerbang itu telah dirobohkan kerana faktor boleh mengancam keselamatan penduduk. Kini, masih terdapat perancangan untuk membina pintu gerbang yang baru yang melibatkan badan kerajaan. Terdapat peruntukan berjumlah RM 20,000 (dua puluh ribu ringgit) yang diperuntukkan dalam usaha membina pintu gerbang baharu ini. Walaupun jumlah yang tidak mencukupi, pihak yang mengendalikan pembinaan sudah menyediakan perancangan untuk menyiapkan juga pintu gerbang itu yang dijangkakan akan siap dalam jangka masa dua (2) bulan setelah ianya mula dibina.

STRUKTUR RUMAH LINDUNGAN RAJA

Rumah Lindungan Raja dibina sekitar tahun 1930an dan menjadi antara rumah tradisional yang mengekalkan ciri-ciri rumah Melayu lama. Konsep reka bentuk rumah ini pada asalnya mempunyai ciri-ciri rumah Melayu lama yang menggunakan bumbung perak dan ruangan beranda ataupun anjung. Keistimewaan yang terdapat pada

rumah tradisional ini ialah tiang seri yang dibina ditengah-tengah rumah ini.



Gambar 12: Tiang seri yang berada di tengah rumah



Gambar 13: Gambar Rumah Lindungan Raja diubahsuai mengikut tahun

Rumah Lindungan Raja telah mengalami penambahbaikan yang melibatkan sebahagian besar rumah sebanyak dua (2) kali. Penambahbaikan yang pertama dilakukan disekitar tahun 1985 dan yang kedua disekitar tahun 1990. Penghulu Osman bin Awang menjadi individu yang bertanggungjawab dalam menjalankan penambahbaikan ini disekitar tahun 1985. Menurut Yahaya (2021) penambahbaikan yang berlaku di rumah ini akan diberi tanggungjawabnya kepada individu yang memegang jawatan Pengerusi Kampung pada ketika itu. Penambahbaikan terbesar yang berlaku di Rumah Lindungan Raja adalah apabila pihak Muzium mengecilkan rumah tersebut untuk dijadikan Mini Muzium. Semua bahagian terlibat dengan penambahbaikan ini sebagai contoh beranda, dapur dan ruang tamu telah dkecilkan. Kini, ruangan bilik tidak lagi terdapat di rumah tersebut. Di rumah tradisional ini terdapat (tiga) 3 tangga dimana tangga pertama (1) menghubungkan luar dan beranda, tangga kedua (2)

menghubungkan beranda dan ruang tamu dan yang ketiga (3), tangga yang menghubungkan dapur dan bahagian luar di belakang rumah. Rumah Lindungan Raja kini mempunyai lebih kurang sepuluh (10) daun tingkap yang telah diubah *materialnya* cuma masih dikekalkan kedudukan asal tingkap rumah tersebut.



Gambar 14: Beranda Rumah Lindungan Raja



Gambar 15: Kedudukan tingkap yang masih dikekalkan



Gambar 16: Tangga yang menghubungkan laman dan beranda



Gambar 17: Tangga yang menghubungkan beranda dan ruang tamu

Rumah ini mempunyai dua (2) pintu yang menghubungkan ruangan dalam rumah dan luar rumah. Pintu belakang Rumah Lindungan Raja ditutup dan dipaku, hanya pintu hadapan sahaja yang masih digunakan. Atas faktor keselamatan rumah pintu hadapan dipasang dengan pagar besi dan dikunci jika tiada kunjungan daripada mana-mana pihak.



Gambar 19: Pintu belakang Rumah Lindungan Raja

Rumah Lindungan Raja pada asalnya menggunakan atap kepingan kayu namun setelah penambahbaikan, atap kayu tersebut diganti dengan atap *asbestos* kerana kosnya lebih murah berbanding atap kepingan kayu. Rumah Lindungan Raja yang berasaskan ciri-ciri kayu masih lagi dikekalkan. Menurut penjaga Rumah Lindungan Raja, rumah ini diperbuat daripada kayu cengal pada asalnya oleh kerana kayu cengal merupakan kayu yang berkualiti tinggi dan tahan lama. Kini, hanya terdapat 2 batang kayu cengal yang menjadi tiang masih dikekalkan. Kayu cengal ini dibezakan dengan melihat penghasilan dari

kilang di mana permukaannya lebih licin jika dibandingkan dengan kayu yang penghasilannya dari manusia kerana kayu tersebut dipotong menggunakan gergaji tangan.



Gambar 20: Tiang asal yang dipotong menggunakan gergaji tangan

Hiasan dalaman Rumah Lindungan Raja ditatarias untuk menunjukkan ciri-ciri Raja Melayu oleh AJK Rumah Lindungan Raja. Aksesori yang terdapat di dalam Rumah Lindungan Raja adalah sumbangan daripada beberapa pihak. Antara sumbangan tersebut ialah penimbang beras atau dikenali sebagai 'penimbang pikui'.



Gambar 21: Penimbang pikui yang digunakan untuk menimbang beras

Terdapat sebuah katil yang terdapat berhadapan dengan pintu masuk Rumah Lindungan Raja. Katil yang hanya dijadikan hiasan itu untuk menunjukkan ciri-ciri Melayu lama yang mempunyai 4 tiang di setiap penjuru katil dan ditutupi dengan kelambu berwarna kuning untuk menunjukkan ciri-ciri Raja Melayu.



Gambar 22: Katil yang dihias dengan tema kuning

Menurut Yazid Yahaya (2021) dahulunya tandas dan bilik air rumah ini di asingkan daripada rumah. Tandas dan bilik air yang lama telah dirobuhkan dan tandas yang masih terdapat sekarang hanyalah untuk pengunjung yang datang melawat. Unikny orang Melayu lama mereka berpegang kuat pada adat dan amalan, mereka tidak membina tandas dan bilik air yang bercantum dengan rumah mereka kerana bagi mereka itu adalah tempat yang disukai oleh jin dan syaitan. Oleh itu adalah lebih baik mengasingkannya terus daripada rumah yang didiami mereka.



Gambar 23: Kedudukan asal tandas Rumah Lindungan Raja

Di rumah ini juga dahulunya terdapat telaga di belakang Rumah Lindungan Raja. Telaga dan sungai yang terdapat kira-kira tiga ratus (300) meter jaraknya menjadi sumber air kepada penghuni rumah ini pada dahulunya. Sungai yang dikenali sebagai sungai Tok Ayah ini pernah menjadi tempat Sultan dan anakandanya bersiram.

USAHA-USAHA MEMARTABATKAN RUMAH LINDUNGAN RAJA

Rumah Lindungan Raja seharusnya dijaga dan dipelihara sebaik baiknya supaya tidak dimakan usia. Hal ini juga adalah berkaitan demi menjaga kesejahteraan simbolik sejarah kampung tersebut. Rumah berkonsepkan Melayu lama itu perlulah dijaga rapi agar tidak usang dan mampu berdiri teguh. Pihak kerajaan Negeri Kedah dan pihak pihak berwajib yang berkaitan menjaga hal sejarah seperti pihak muzium hendaklah memainkan peranan penting dalam menjayakan usaha ini. Dalam melestari dan memartabatkan Rumah Lindungan Raja ini, penduduk kampung telah terlibat dalam menjayakan setiap usaha ini. Contohnya seperti program gotong royong membersihkan kawasan. Pihak Majlis Daerah juga telah memberi kerjasama dalam usaha memartabatkan Rumah Lindungan Raja itu dengan cara mengkomersialkan rumah itu di media sosial. Organisasi luar seperti E-idaman juga telah melibatkan diri dalam memberikan sbangan berbentuk tenaga dimana mereka sering melakukan program gotong royong. Usaha ini dilakukan secara holistiknya adalah menggunakan sumber dari orang kampung sendiri. Kebanyakan penambahbaikan dan pengiktirafan rumah adalah secara sendirian berhad. Pengurusan yang sistematik dipertanggungjawabkan dalam menjaga rumah tersebut yang mana diketuai sendiri oleh Paksu Sabri. Usaha ini dilakukan demi menjaga keharmonian rumah. Rumah Lindungan Raja merupakan rumah yang mempunyai sejarah sendiri yang merupakan sejarah yang membawa banyak maksud kepada Sedim sendiri. Semua lapisan masyarakat, ibu bapa, anak anak muda perlulah bersama sama dalam melaksanakan dan menjaga Rumah Lindungan Raja ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kewujudan Rumah Lindungan Raja telah memberi kesan yang mendalam kepada sejarah Negeri Kedah. Kajian ini bukan sahaja dapat memaparkan tentang asal usul Rumah Lindungan Raja malahan turut serta sejarah lain yang berkaitan dengan seperti Kampung Lindungan Raja itu sendiri serta tempat-tempat yang lain. Rumah Lindungan Raja menjadi nilai tambah kepada Sedim yang sememangnya terkenal sebagai kawasan rekreasi.

Kajian ini juga menjelaskan peranan dan kepentingan warisan ini sendiri kepada masyarakat setempat. Meskipun sejarah yang berkaitan dengan Rumah Lindungan Raja ni sudah lama berlalu, tetapi orang awam masih berpeluang untuk menghayati dan melihat sendiri rumah yang pernah dijadikan tempat berlindung Sultan Abdul Hamid pada zaman dahulu disamping dapat menghargai peristiwa yang berlaku. Daripada kajian ini dapat dilihat betapa sayangnya penduduk Kampung Lindungan Raja terhadap rumah tradisional yang berusia lebih seratus (100) tahun ini. Penduduk kampung bekerjasama memelihara dan menjaga kebajikan rumah ini. Pelbagai usaha dilakukan untuk melahirkan rasa cinta terhadap rumah bersejarah ini terutamanya dikalangan anak muda Kampung Lindungan Raja itu sendiri.

RUJUKAN

- Ang, K. H. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24. Diakses dari <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/8>
- Nazirmuddin, A. (2020, January 22). Tunku Abdul Rahman Adalah 'Dalang' Di Sebalik Konspirasi Penculikan Sultan Abdul Hamid. Diakses dari <https://www.thevocket.com/tunku-abdul-rahman-adalah-dalang-disebalik-konspirasi-penculikan-sultan-abdul-hamid/>
- Destinasi Santai. (2013, September 20). *Rumah Lindungan Raja Sedim*. Diakses dari <http://destinasi-santai.blogspot.com/2013/09/rumah-lindungan-raja-sedim.html>
- E-Idaman. (2018, Ogos 30). Diakses dari <https://ms-my.facebook.com/envidaman/posts/kampung-lindungan-raja-mukim-sedim-kulim-tidak-asing-dalam-kalangan-pencinta-dan/1376167282515122/>
- Historical News. (2002). *Historical Research*, 75(189), 363–364. retrieved from <https://doi.org/10.1111/1468-2281.t01-1-00155>
- Husna (2020, Julai 2). *Nak Tengok Seni Binaan Asli Rumah Kayu Berusia 100 Tahun Di Kedah? Rumah Tok Su & Rumah Seri Banai Sedia Terima Kunjungan Anda*. Diakses dari <https://www.libur.com.my/nak-tengok-seni-binaan-asli-rumah-kayu-berusia-100-tahun-di-kedah-rumah-tok-su-rumah-seri-banai-sedia-terima-kunjungan-anda/>
- IPendidikan. (2020, Mei 13). *Langkah Memelihara Rumah Tradisional Melayu*. Diakses dari <https://www.ipendidikan.my/cara-memelihara-rumah-tradisional-melayu.html>
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012*. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- LieyDya. (2015, April 1). *Pengumpulan Data Dalam Kajian Tindakan*. Diakses pada 20 November dari <http://lieydya22.blogspot.com/2015/04/pengumpulan-data-dalam-kajian-tindakan.html>
- MyGOV - The Government of Malaysia's Official Portal. (2020). Retrieved 7 December 2020, from <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30120?language=my>
- M.S.M.Sahabuddin. (2016, Mei 13). *Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti*. Diakses dari

<https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>

Pejabat Daerah Kulim. (n,d). *KAMPUNG SEDIM : Kampung Lindungan Raja* Diakses dari http://lamanwebpejabatdaerahkulim.blogspot.com/p/pelancungan_11.html

Peristiwa Bersejarah di Negeri Kedah (1904-1990) - Peristiwa Sedim (1941). Diterbitkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah di http://www.memori-kedah.com/page_pengenalan.php?p=2&idstopic=34&idskandungan=148&id=502&mtopic=4

P.F.Ser. (2011, November 24). Rumah Tradisional Negeri Kedah. Diakses dari <http://pfang2009.blogspot.com/2011/11/rumah-tradisional-negeri-kedah.html>

Pusat Kajian Sejarah Lisan (2007) diakses dari <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlian.html>

Sungai Sedim Blogspot (2009, Jun 4). *Rumah Lindungan Raja*. Diakses dari <http://sungaisedim.blogspot.com/2009/06/rumah-lindungan-raja.html>

Siti Sarah. (2015, April 26). Bab 2 Kajian Literatur. Diakses pada 19 November 2020 dari <https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologikajian-sarah/>

Yola.tm.(n,d). *Rumah Tradisional*. Diakses dari <http://rumahtradisional.yolasite.com/>

Mohd Yunus, Z. (2016). Mengimbau Perlindungan Keluarga dan Kerabat Diraja di Kulim. Diterbitkan oleh Berita Harian Online di <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/142235/mengimbau-perlindungan-keluarga-dan-kerabat-diraja-di-kulim>.